

Konvokesyen Khas OUM bermula hari ini

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my



TAN Sri Azman Hashim menyampaikan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Sastera) kepada Deputy Superintendent Polis (DSP) Dr Mohd Roslan Mohd Tahir. FOTO Rohanis SHukri

Kuala Lumpur: Majlis Konvokesyen Khas Open Universiti Malaysia (OUM) diadakan selama tiga hari bermula hari ini, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) berlangsung dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Presiden/Naib Canselor OUM Prof Madya Dr Ahmad Izanee Awang berkata, 2,088 graduan daripada 20 program menerima skrol masing-masing.

Menurutnya, sebagai langkah proaktif bagi mengelak penularan wabak Covid-19, hanya 50 peratus kapasiti dewan dibenarkan hadir mengikuti majlis.

"Dewan turut menjalani proses sanitasi sebelum setiap sidang berlangsung.

"Kit ujian air lir rapid antigen test kit (RTK) turut dibekalkan kepada semua petugas, graduan dan tetamu sebelum majlis berlangsung," katanya pada sidang media selepas majlis berkenaan.

Ahmad Izanee berkata, graduan yang hadir pada majlis ini adalah dalam kalangan 7,549 graduan kumpulan ke 24 dan 25 yang sepatutnya bergraduasi pada 2020 dan 2021.

"Kumpulan ini membabitkan 42 penerima Ijazah Doktor Falsafah dan Kedoktoran (PHD), 1,690 Sarjana, 4,768 Ijazah Sarjana Muda dan 1,049 Diploma.

"Lebih membanggakan, kali ini, turut menyaksikan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Sastera) kepada dua graduan sulung program ini iaitu Setiausaha Politik Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi dan Timbalan Ketua Polis Seri Alam Deputy Superintendan Dr Mohd Roslan Mohd Tahir," katanya.

Disiarkan pada: Februari 19, 2022 @ 2:51pm
